



3 KATEGORI BANTUT:

- Varian normal bertubuh pendek. Individu dalam kumpulan ini kebanyakannya pendek secara semula jadi. Ia mungkin disebabkan potensi genetik iaitu ibu bapa mereka adalah pendek, atau atas sebab yang tidak diketahui. Namun mereka dalam kelas ini selalunya sihat, tetapi cuma lebih pendek berbanding kanak-kanak lain. Dikenali juga sebagai gangguan konstitusi (*constitutional delay*) dalam tumbesaran dan baligh, anak-kanak dalam kumpulan ini lazimnya membesar dengan stabil tetapi perlahan (selalunya bawah persentil ketiga menurut carta tumbesaran).
- Bertubuh pendek intrinsik. Lazimnya dilahirkan dengan punca tubuh keluarga pendek. Ia berpunca daripada gangguan sindrom yang selalunya merupakan hasil ketaknormalan genetik atau kromosom contohnya mengidap sindrom Turner, sindrom Down, sindrom Prader-Willi, sindrom Noonan dan akondroplasia. Jangkitan intrauterus iaitu keadaan apabila ibu mendapat jangkitan semasa mengandung yang menjejaskan janin, juga boleh

JIKA anak tidak membesar dengan sepatutnya, dapatkan bantuan daripada pakar perubatan dengan segera. gambar hiasan

TINJAUAN Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019, mendedahkan satu daripada lima (21.8%) kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah termasuk dalam golongan terbantu-tumbesarannya dan ia merupakan kondisi ketara.

Memandangkan ketinggian mempunyai ukuran berbeza-beza dalam sesebuah populasi, agak sukar untuk ibu bapa mengenal pasti sama ada anak mereka pendek secara semula jadi atau mengalami masalah tumbesaran.

Namun tiga perkara ini boleh diperhatikan apabila mengawasi dan memantau tumbesaran si cilik:

1) JANGKAAN KETINGGIAN IKUT JANTINA, UMUR

Ini boleh diukur dengan carta tumbesaran piawai yang boleh didapati dalam bentuk persentil atau sisihan piawai. Jika ketinggian anak anda berada di bawah persentil ketiga bagi umur atau lebih daripada dua sisihan piawai di bawah norma carta tumbesaran yang sepatutnya, maka mereka boleh dianggap sebagai pendek.

Carta ini boleh didapati dalam talian organisasi bereputasi seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat (CDC),

Tangani bantut sejak awal usia

serta doktor pediatrik anak anda. Carta ini juga boleh didapati daripada laporan sekolah anak masa mula daftar sekolah rendah.

2) POTENSI KETINGGIAN GENETIK

Bergantung juga kepada gen diwarisi daripada anda dan pasangan. Jika anda dan pasangan pendek, anak anda mungkin turut pendek, begitulah sebaliknya. Namun jika anda berdua tinggi tetapi anak pendek, mungkin ia satu petanda terdapat sesuatu yang menghalang anak anda daripada mencapai potensi penuh ketinggian mereka.

3) BERAPA PANTAS ANAK ANDA MEMBESAR

Jika anak anda membesar pada kadar biasa kemudian tumbesarannya menjadi perlahan, ini adalah satu kebimbangan. Keadaan ini boleh diperhatikan dengan menjejak tumbesaran

**WU Loo Ling,
Perunding
Kanak Pediatrik
& Endokrinologi
Pediatrik, Pusat
Perubatan
Subang Jaya
(SJMC)**



mereka pada carta tumbesaran berdasarkan jantina dan umur bersesuaian.

Tumbesaran anak sepatutnya dalam kadar stabil, iaitu lebih kurang dalam persentil atau sisihan piawai yang sama sepanjang zaman kanak-kanak dan remaja. Tumbesaran yang menuju ke persentil lebih rendah merupakan satu petanda kadar tumbesaran menjadi semakin perlahan dan perlu disiasat.

Sekiranya ibu bapa mempunyai sebarang keraguan tentang tumbesaran anak mereka, penting untuk membawa anak berjumpa dengan doktor berkaitan, sama ada pakar endokrinologi pediatrik atau doktor pediatrik am.

Jangan tunggu dan berharap anak anda akan dapat 'kejar' ketinggiannya.

Diagnosis lewat boleh memendekkan tempoh pemulihan kerana tulang akan matang sejajar dengan masa.

melejšaskan jantina, juga boleh menyebabkan bayi menjadi kecil. Jangkitan selalunya boleh dikenal pasti dan didiagnosis semasa lahir, membolehkan bayi mendapatkan rawatan sesuai. Walaupun kebanyakan kanak-kanak dalam kelas ini cenderung dapat mengejar tumbesaran selepas lahir, sekitar 15% tidak dapat mengejar tumbesaran mereka dan akan kekal kecil sepanjang hidup jika tidak didiagnosis dan mendapat rawatan lebih awal.

- Punca sekunder (*secondary*). Berpunca daripada kekurangan nutrisi termasuk malnutrisi protein-kalori, kekurangan zat besi dan vitamin D. Kanak-kanak yang suka menghabiskan masa dalam rumah dan kurang terdedah pada cahaya matahari mungkin akan kurang vitamin D. Vitamin ini penting untuk penyerapan kalsium dalam membina dan mengekalkan tulang. Kekurangan vitamin D, maka tulang akan menjadi lembut dan lemah terutamanya bagi anggota bawah yang menanggung berat badan, justeru ia boleh mengakibatkan masalah tubuh pendek. Sebab-sebab sekunder punca pendek, termasuk gangguan sistemik seperti masalah usus, penyakit jantung atau sistem imun yang lemah dan kekurangan hormon termasuk hormon tumbesaran.